

KERATAN: Berita Harian  
SAB - NO 269/12

TARIKH: 1/2/2012  
M/S: (4)

B.4 Y21(2)(4)

# Kamus bahasa ibunda Lotud dikeluar April

**T**UARAN: Bahasa Suang Lotud yang dituturkan etnik Dusun Lotud di daerah ini bakal memperluaskan cakupannya di kalangan masyarakat lain apabila kamus bahasa ibunda Lotud dijadual diterbitkan April ini.

Kamus yang diusahakan penerbitannya oleh Persatuan Suang Lotud Sabah (LOTUD) itu merangkumi kamus bergambar, kamus asas dan kamus lengkap.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Pelestarian Bahasa Suang Lotud, Datuk Monggoh Orow, berkata kamus itu adalah sebahagian usaha pihaknya memartabat dan melestarikan bahasa Suang Lotud.

"LOTUD menerbitkan kamus ini untuk menambah bilangan mereka yang mahir berkomunikasi dalam bahasa ibunda menerusi pertuturan dan penulisan dalam kehidupan harian.

"Ini kerana ramai keturunan Suang Lotud bermingat mendalami dan mengetahui bahasa ibunda kerana ia tidak digunakan sebagai bahasa harian, sekali gus membuatkan ia tidak difahami generasi muda," katanya ketika ditemui pada bengkel Inan Pamabat Ponulid Om Pomolumis anjuran LOTUD di sini, semalam.

Bengkel dua hari membabitkan 50 peserta itu bertujuan mewujudkan badan pemartabat, pemantau dan penyunting untuk menzahirkan hasrat menerbitkan kamus bahasa Suang Lotud.

Ia dirasmikan Pembantu Menteri Belia dan Sukan negeri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tamparuli, Datuk Jahid Jahim.

Monggoh berkata, usaha penerbitan kamus itu bermula menerusi pengwujudan beberapa kumpulan

pengumpul maklumat, menghantar peserta mengikuti seminar penerbitan kamus dan kursus pangkalan data.

Katanya, bahasa Suang Lotud adalah satu daripada 27 bahasa subetnik yang bergabung dalam keluarga besar bahasa Dusunik.

"Mengikut kajian, bahasa Lotud



PESERTA projek pelestarian bahasa Suang Lotud berbincang untuk menerbitkan kamus.

diciptakan bahasa tertua, berbanding bahasa subetnik lain seperti Kimaragang, Tagaro, Tobilung, Rungus, Lingkabau, Dumpas, Sungai, Segama, Bunu Tuhan, Kuala Monsok, Kadazan Penampang, Kadazan Tambunan, Kadazan Papar, Kuijau, Bisaya Limbang dan Dusun Brunei," katanya.

Beliau berkata, Dusun Lotud di Tuaran dikesan mendiami di 39 kampung dan menggunakan bahasa Suang Lotud sebagai pertuturan harian mereka.

Katanya, LOTUD juga berhasrat mewujudkan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dan Taman Didik Kanak-Kanak (TADIKA).